| LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK | Nama Produk: Penulisan Wasiat Islam as-Salihin (Wasiat) |
|---|---|
| Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon dan melanggan produk Penulisan Wasiat Islam as-Salihin (Wasiat). Pastikan anda juga membaca dan memahami terma dan syarat yang berkaitan dengan produk ini.<br><br>Sila dapatkan pengesahan dari pihak as-Salihin Trustee Berhad 200401031859 (670367-D) ("AST") atau CIMB Islamic Bank Berhad ("Bank"), sekiranya anda tidak memahami sebarang bahagian dalam dokumen ini, dan/atau manamana terma-terma umum. | **Wasiat Komprehensif**<br><br>Tarikh: ________________________________ |

**1. Apakah produk ini?**

Bank bersama rakan kerjasamanya, AST menyediakan produk dan perkhidmatan Penulisan Wasiat kepada pelanggan Bank. Melalui kerjasama ini, Bank sebagai pengedar sah yang dilantik oleh AST sebagai Penyedia Perkhidmatan, diberi kuasa untuk menawarkan produk Wasiat kepada Pelanggannya atau Pewasiat ("Pewasiat" di sini adalah merujuk kepada seseorang yang membuat janji atau arahan di dalam produk Penulisan Wasiat Islam atau Wasiat).

Wasiat ialah *iqrar* atau pengakuan seseorang yang dibuat semasa hayatnya berkenaan dengan harta beliau atau manfaat daripadanya, untuk dilaksanakan bagi tujuan kebajikan atau apa-apa tujuan lain yang dibenarkan oleh Syariah selepas kematiannya.

Siapakah yang layak memohon dan melanggan produk ini?
- Dewasa (berumur 18 tahun ke atas)
- Berfikiran waras
- Atas kehendak sendiri
- Tidak tertakluk kepada sebarang larangan undang-undang untuk mentadbir hartanya

**2. sep Syariah yang digunakan?**

| | |
|---|---|
| Wakalah | Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu mengenai perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran.<br><br>Di dalam kontrak perjanjian ejen, pihak Bank akan bertindak sebagai ejen kepada AST, di mana AST akan bertindak sebagai prinsipal dengan menyediakan perkhidmatan penulisan Wasiat untuk pelanggan Bank dengan mengenakan bayaran tertentu. |

| | |
|---|---|
| Wasiyyah/Wasiat | Suatu *iqrar* atau pengakuan seseorang yang dibuat semasa hayatnya mengenai hartanya atau manfaat daripadanya, yang akan dilaksanakan untuk tujuan kebajikan atau untuk apa-apa tujuan lain yang dibenarkan oleh Syariah selepas kematiannya. |
| Faraid | Undang-undang pusaka Islam yang mana di bawah undang-undang Faraid, pengagihan bahagian ahli waris telah ditetapkan sepertimana di dalam Al-Quran. Ahli waris yang bukan Islam pula, tidak layak untuk menerima pengagihan faraid. |

**3. Apakah manfaat yang saya akan perolehi daripada langganan produk ini?**

i. Mempercepatkan proses perundangan bagi permohonan sijil faraid dan geran probet
ii. Peruntukan dan pengurusan untuk menyelesaikan hutang Pewasiat
iii. Memudahkan pengurusan untuk mewariskan 1/3 daripada harta pusaka Pewasiat kepada bukan waris
iv. Menjimatkan masa dan kos dalam pengagihan harta pusaka setelah Pewasiat meninggal dunia
v. Hak Pewasiat lelaki untuk melantik penjaga harta bagi anak di bawah umur atau anak yang kelainan Upaya; vi. Mengelakkan pertikaian keluarga; dan
vii. Membantu memenuhi keinginan Pewasiat selepas kematian dan memastikan pengurusan harta pusaka terlaksana secara cepat dan telus.

**4. Apakah terma dan syarat lain produk ini yang perlu saya ketahui?**

i. Anda boleh menukar kandungan wasiat anda pada bila-bila masa
ii. Pewasiat juga dibenarkan membatalkan wasiat beliau pada bila-bila masa sepanjang hayatnya
iii. Segala harta/benda yang dilarang dan haram menurut Islam seperti arak, khinzir dan seumpamanya di bawah undang-undang Islam/ Syariah, adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk diwasiatkan

**5. Apakah fi dan caj* yang perlu saya bayar?***

| | |
|---|---|
| **Penulisan wasiat (bayaran sekali sahaja)** | **RM 1,600** *(merangkumi penulisan Wasiat, Penyimpanan Seumur Hidup & Perlantikan Wasi)* |

Anda boleh melakukan Penulisan Semula Wasiat/ Pindaan dan berikut adalah senarai kos tambahan untuk rujukan:

| Fi Penulisan Semula Wasiat/Pindaan | Amaun Penulisan Semula/Pindaan (RM)** |
|---|---|
| Sehingga 9 pindaan | 500 |
| 10 – 12 | 650 |
| 13 – 15 | 800 |
| 16 – 18 | 1,000 |
| 19 – 21 | 1,200 |
| 22 – 24 | 1,500 |
| 25 – 27 | 1,800 |
| 28 – 30 | 2,100 |

***Nota:***
***Setiap penambahan 3 pindaan 30 ke atas akan dikenakan penambahan RM300.***
**Kadar Fi dan caj di atas adalah betul pada masa yang ditawarkan, walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perubahan, ianya tertakluk kepada pemberitahuan daripada Penyedia Perkhidmatan.*
***Bagi penulisan semula (Wasiat Komprehensif) Pelanggan layak untuk menerima diskaun 20% dari amaun yang dinyatakan di atas berdasarkan jumlah pindaan.*

| | |
|---|---|
| **Fi/ Yuran Pengurusan Harta Pusaka**<br><br>**Terpakai sekiranya AST dilantik sebagai wasi dan dikenakan bayaran apabila Geran Probet dikeluarkan.* | **Tahun Pertama *:**<br><br>✓ 1.8% setahun untuk RM1juta yang pertama<br>✓ 1% setahun untuk nilai melebihi RM1 juta seterusnya<br>✓ 0.5% setahun untuk nilai melebihi RM10 juta seterusnya<br>✓ 0.25% setahun untuk nilai melebihi RM50 juta<br><br>*Nota:<br>▪ penambahan 0.2% bagi Keluarga berpoligami untuk nilaian di bawah RM50 juta.<br>▪ tertakluk kepada minimum RM5,000<br><br>**Tahun ke-2 dan seterusnya:**<br><br>✓ 1% setahun untuk RM10 juta yang pertama<br>✓ 0.5% setahun untuk nilai melebihi RM10 juta seterusnya<br>✓ 0.25% setahun untuk nilai melebihi RM50 juta<br><br>*Satu (1) % yuran pertukaran akan dikenakan jika pembatalan perkhidmatan pentadbiran AST oleh waris dilakukan semasa pentadbiran pusaka Pewasiat di atas apa-apa sebab. Yuran ini adalah untuk melindungi dan gantirugi di atas kerja yang telah dilakukan sebelum pembatalan dibuat.* |

| | |
|---|---|
| | |
| **Fi Agihan (Untuk rujukan Pelanggan)**<br><br>**Semua fi dan caj agihan kepada Bank oleh AST adalah daripada bayaran yang dibuat oleh Pelanggan bagi pembayaran Wasiat Komprehensif* | Berikut adalah kadar fi dan caj agihan yang akan diterima oleh pihak bank daripada pihak AST, di atas jualan dan bayaran yang dibayar oleh pelanggan Bank untuk produk Wasiat Komprehensif: |

| **Produk** | | **Harga Jualan (RM)** | **Fi Agihan kepada Bank (RM & Kadar Peratusan)** |
|---|---|---|---|
| Wasiat Komprehensif | Penulisan wasiat | 700 | 399(57%) |
| | Pelantikan wasi | 100 | 40 (40%) |
| | Penyimpanan wasiat | 800 | 296 (37%) |
| **Jumlah** | | **1,600** | **735 (46%)** |

**Fi/ Yuran Pengurusan Amanah**

**hanya terpakai jika pelanggan melantik AST sebagai penjaga harta/Pemegang Amanah dan dikenakan bayaran apabila amanah diwujudkan.*

Yuran Pengurusan Amanah hanya terpakai jika pelanggan memilih untuk melantik AST sebagai penjaga harta/Pemegang Amanahnya, yang jika dipilih, pelanggan dikehendaki membayar Yuran Pengurusan Amanah berikut, mengikut skala fi seperti yang ditetapkan dalam jadual di bawah:

**Pengurusan Amanah**

| **A) HARTA ALIH** | |
|---|---|
| **NILAI KASAR HARTA** | **KADAR YURAN YANG DIKENAKAN** |
| RM 1 juta yang pertama | 0.75% setahun (minimum RM2,000) |
| Melebihi RM 1 juta pertama | 0.5% setahun |
| Melebihi RM 10 juta | 0.25% setahun |
| Pembatalan Amanah/Penukaran Pemegang Amanah | 1% |
| **B) HARTA TIDAK ALIH (MENGHASILKAN PENDAPATAN)** | |
| **KADAR YURAN YANG DIKENAKAN** | |
| Fi Pentadbiran Tahunan | 1% atau RM6,000 setiap tahun bagi satu geran/lot, yang mana lebih rendah<br>Hasil sewaan akan dikenakan yuran (A) |
| Pembatalan Amanah/Penukaran Pemegang Amanah | 1% atau RM2,000 satu hakmilik/lot, yang mana lebih rendah |
| **C) HARTA TIDAK ALIH (TIDAK MENGHASILKAN PENDAPATAN)** | |
| **KADAR YURAN YANG DIKENAKAN** | |
| Fi Pentadbiran Tahunan | RM2,000 setahun bagi satu geran/lot |
| Pembatalan Amanah/Penukaran Pemegang Amanah | 1% atau RM2,000 satu hakmilik/lot, yang mana lebih rendah |
| **D) PEGANGAN SAHAM SYARIKAT** | |
| **KADAR YURAN YANG DIKENAKAN** | |
| • RM8,000 setahun untuk memegang saham tiga (3) syarikat atau kurang di dalam satu amanah<br>• Dividen akan dikenakan yuran (A)<br>Sekiranya saham syarikat dipindah milik segera yuran dikenakan adalah RM2,000 bagi tiga (3) syarikat atau kurang di dalam satu amanah | |

**6. Apakah risiko yang terlibat?**

i. Terdapat kemungkinan ahli waris tidak mengetahui kewujudan wasiat dari Pewasiat (Pelanggan). Walau bagaimanapun, 2 kad penyimpanan yang menunjukkan kewujudan Wasiat akan diberikan kepada Pewasiat dan menjadi kewajipan Pewasiat untuk memberikan kad berkenaan kepada waris beliau. ii. Ahli Waris boleh mempersoalkan kandungan wasiat dan menukar pembahagian harta pusaka dengan persetujuan semua waris. Ini mungkin merencatkan malah melambatkan proses pembahagian harta, sekiranya ada ahli waris yang membantah perubahan tersebut.

**7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada butiran peribadi saya?**

Penting untuk anda memaklumkan kepada pihak AST dan Bank jika terdapat sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda dalam memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda.

as-Salihin
TRUSTEE BERHAD

**8. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sebarang pertanyaan berkaitan produk Wasiat termasuk kadar fi dan caj, anda boleh menghubungi pihak Penyedia Perkhidmatan Penulisan Wasiat Islam as-Salihin (Wasiat) di:

**as-Salihin Trustee Berhad**
101 - 301, Block A, Glomac Business Centre
No. 10, Jalan SS6/1, Kelana Jaya 47301,
Petaling Jaya, Selangor
No. Telefon Hotline: 03 7880 9595 | Faks: 03 7880 8190
E-mail: marketing@as-salihin.com
Laman Sesawang: https://as-salihin.com/en/contact-us/

Jika anda ingin membuat sebarang aduan berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank mengenai pengedaran Penulisan Wasiat Islam as-Salihin (Wasiat), anda boleh menghubungi pihak Bank di:-

**CIMB Bank Berhad/ CIMB Islamic Bank Berhad**
Customer Resolution Unit (CRU)/ Consumer Contact Centre (CCC)
P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Hotline CCC Tel : +603 6204 7788
E-mail : contactus@cimb.com
Laman Sesawang: https://www.cimb.com.my/en/personal/help-support/contact-us.html

Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa Lembaran Pendedahan Produk telah diterangkan kepada Pelanggan.

……………………………………
Nama Staf Bank:
ID Staff Bank:
Tarikh:

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah menerima dan faham dengan keterangan yang telah diberikan.

……………………………………
Nama Pelanggan/ Pewasiat:
No. K/P:
Tarikh: